



PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR BILANGAN 1 TAHUN 2017

KEMUDAHAN POTONGAN GAJI KEPADA PENJAWAT AWAM NEGERI DAN PERSEKUTUAN, BADAN BERKANUN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG BERAGAMA ISLAM DAN BUKAN BERAGAMA ISLAM UNTUK TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kemudahan potongan gaji bulanan kepada semua pegawai dan anggota perkhidmatan awam Negeri dan Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang beragama Islam dan bukan beragama Islam yang berkhidmat di negeri Johor untuk mengisi dana “TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR”.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Perbadanan Islam Johor (PIJ) telah dilantik sebagai Nadzir Khas Pembangunan Waqaf Negeri Johor pada 26hb. Januari, 2016. Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) masih lagi sebagai Pemegang Amanah Tunggal Harta Waqaf seluruh Negeri Johor.
- 2.2 PIJ bertanggungjawab menyediakan satu kaedah pendekatan dan perancangan meningkatkan jumlah penyertaan Waqaf Tunai potongan gaji di kalangan masyarakat bagi tujuan penambahan dana Tabung Waqaf Rakyat Johor.

- 2.3 PIJ melalui anak syarikatnya PIJ Holdings Sdn. Bhd. bertanggungjawab melaksanakan pelan perancangan pembangunan hartanah dan aset waqaf yang diserahkan untuk pembangunan oleh MAINJ.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Objektif Tabung Waqaf Rakyat Johor antara lain adalah untuk mendapatkan dana daripada orang ramai melalui sumbangan Waqaf Tunai potongan gaji bagi tujuan pembangunan hartanah dan aset waqaf di negeri Johor serta melaksanakan program dan projek berkaitan waqaf melalui 3 agenda utama iaitu :-

3.1.1 EKONOMI

Membangunkan sektor hartanah dan aset berkaitan waqaf seperti Taman Perbadanan Islam, rumah kedai, dewan serbaguna, inkubator, pusat perniagaan bagi menambah nilai dana Tabung Waqaf Rakyat Johor.

3.1.2 KESIHATAN

Membina Hospital Waqaf Islam Johor, Klinik Waqaf dan Pusat Rawatan Pesakit Dialisis.

3.1.3 PENDIDIKAN

Membina Universiti, Kolej Pengajian Islam dan Sekolah-Sekolah Agama Bersepadu.

